

Kes harian tertinggi lagi 17,786, jumlah kematian lepassi 9,000 orang

Jumlah kes Covid-19 kini 1,113,272

KOSMO AHAO (01/08/2021) M15 04

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Bulan Julai berakhir semalam, namun kes harian masih tiada tanda-tanda penurunan, malah merekodkan angka tertinggi dengan 17,786 kes termasuk sembilan kes import, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 1,113,272 kes.

Ta kali keempat kes harian negara melepasi angka 17,000 selepas tiga kali dicatatkan sebelum ini iaitu pada 28 Julai dengan 17,405 kes, 27 Julai sebanyak 17,170 kes dan 25 Julai sebanyak 17,045.

Pesakit sedang dirawat dan diasingkan juga terus meningkat setiap hari dengan 189,609 kes termasuk 1,062 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 543 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Angka sembuh harian pula mencatatkan sebanyak 11,718 kes sekali gus masuk hari kelima berturut-turut jumlah pesakit pulih melebihi 10,000, manakala sebanyak 914,639 kes keseluruhan sembuh direkodkan sehingga kini.

Terdapat 165 kes kematian termasuk 10 warga asing terdiri daripada 95 lelaki dan 70 wanita, manakala sebanyak 12 kes meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-dead (BID) men-



ANGGOTA Angkatan Pertahanan Awam bersama Petugas Kesihatan Kuala Lumpur kelihatan keletihan selepas mengebumikan jenazah pesakit Covid-19 di Tanah Perkuburan Bukit Kiara, Kuala Lumpur semalam. – AFIQ RAZALI

jadikan angka kematian melepasi 9,000 dengan 9,024 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lima negeri merekodkan kes empat digit iaitu Selangor (6,400 kes), diikuti oleh Kuala Lumpur (1,962 kes), Kedah (1,389 kes), Johor (1,144 kes) dan Sabah (1,035 kes).

“Selain itu, sebanyak 260 kes (1.5 peratus) daripada kes har-

ian yang dilaporkan melibatkan kategori tiga, empat dan lima, manakala sebanyak 17,526 kes (98.5 peratus) kategori satu dan dua.

“Ini berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didagnosis Covid-19. Ada antara kes kekal di kategori sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada berubah status kesihatan sama ada bertambah baik ke ka-

tegori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Mengikut status vaksinasi Covid-19 yang dilampirkan, 33 kes dilaporkan bagi kategori lima dengan empat kes ada sejarah vaksinasi dan 29 kes tiada sejarah vaksinasi, manakala 62 kes kategori empat dengan 11 kes ada sejarah vaksinasi dan 51 kes tiada

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	17,786
Import:	9
Tempatan:	17,777
Pulih	11,718
Kematian	165
Masih dirawat	189,609
Jumlah kes sembuh	914,639
Jumlah Kematian	9,024
Jumlah kes keseluruhan	1,113,272

sejarah vaksinasi.

“Kategori tiga pula dengan 165 kes iaitu 59 kes ada sejarah vaksinasi dan 106 tiada sejarah vaksinasi serta 8,149 kes kategori dua dengan 2,224 ada sejarah vaksinasi dan 5,925 tiada sejarah vaksinasi.

“Bagi kategori satu merekodkan sebanyak 9,377 kes iaitu sebanyak 745 kes ada sejarah vaksinasi, manakala, 8,632 kes tiada sejarah vaksinasi,” katanya.